

R 0240 BAH
SHAHRIK - MAHATHIR

JOHOR BAHRU, 11 SEPT (BERNAMA) -- PERBINCANGAN ANTARA EMPAT TOKOH UMNO TIDAK AKAN HEMPERSOALKAN KEDUDUKAN DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD SEBAGAI PERDANA MENTERI.

ANGGOTA BEBAS PARLIMEN JOHOR BAHRU, DATUK SHAHRIR ABDUL SAMAD HARI INI BERKATA KEDUDUKAN DATUK SERI DR MAHATHIR ITU TIDAK AKAN DITIMPULKAN PADA PERBINCANGAN ITU, JIKA IA DIADAKAN.

KEEMPAT-EMPAT TOKOH YANG DINAKSUDKAN OLEH DATUK SHAHRIR IALAH DATUK SERI DR MAHATHIR, TINGALAN PERDANA MENTERI ENCIK SHAFAR BABA, ANGGOTA PARLIMEN KOTA TINGGI DATUK MUSA HITAM DAN ANGGOTA PARLIMEN GUA MUSANG TENGGU RAZALEIGH HANZAH.

MINGGU LEPAS DATUK SHAHRIR MENCADANGKAN SUPAYA KEEMPAT-EMPAT TOKOH BERKENAAN BERMUSYAWARAH BAGI MENYELESAIKAN APA YANG BELIAU SIFATKAN SEBAGAI MASALAH PERPADUAN ORANG MELAYU.

INI KERANA PERPADUAN ORANG MELAYU, KATANYA ADALAH LEBIH PENTING DARIPADA MEMBINCANGKAN KEDUDUKAN PERDANA MENTERI, KATANYA PADA MAJLIS KESYUKURAN DI KAMPUNG BELANTIK DI SINI HARI INI. --LAGI
202911ST 11 09 88

0309

R 0242 BAH
SHAHRIK - MAHATHIR 2 JOHOR BAHRU

DATUK SHAHRIR BERKATA MASALAH ITU BOLEH DISELESAIKAN SEKIRANYA KEEMPAT-EMPAT TOKOH ITU SANGGUP BERMUSYAWARAH BERASASKAN TIGA PERKARA.

PERKARA-PERKARA ITU IALAH PERPADUAN ORANG MELAYU MELALUI UMNO, JAMINAN KEADILAN MELALUI SISTEM KEHAKIMAN YANG TIDAK DICABUL DAN KEADILAN MELALUI UNDANG-UNDANG YANG TIDAK DIPINDA MENGIKUT SESUKA HATI, TAMBAHNYA.

ASAS-ASAS ITU ADALAH PENTING UNTUK BALIK KE PANGKAL JALAN, UJARNYA.

SEBALAN, DATUK SHAHRIR BERKATA AGENDA BAGI PERBINCANGAN ITU AKAN DIKEMUKAKAN KEPADA KEEMPAT-EMPAT TOKOH ITU DALAM MINGGU INI.

--BERNAMA
202911ST 11 09 88